

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	06 JUNE 2017

# Najib puas hati projek TRX

um- 6/6/2017  
Pg. 3

**KUALA LUMPUR 5 Jun** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau berpuas hati dengan kemajuan projek pembangunan Tun Razak Exchange (TRX) yang bakal menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan global di rantau ini.

Najib berkata, beliau turut gembira dengan perjalanan projek TRX itu yang mengikut jadual ditetapkan.

“Saya sangat berpuas hati dan gembira projek ini mengikut jadual. Kita tidak perlu tergesa-gesa menjual tanah di sini.

“Banyak institusi kewangan yang berminat dengan TRX kerana projek ini akan menjadi pusat perniagaan utama di Kuala Lumpur pada masa depan,” katanya selepas meninjau perkembangan pembangunan projek TRX di Jalan Tun Razak di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz; Pengerusi TRX Sdn. Bhd, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah; dan Ketua Pegawai Eksekutif TRX; Datuk Azmar Talib.

Projek pembangunan ikonik TRX yang seluas 28 hektar itu terletak di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur akan menempatkan kediaman, kemudahan

**NAJIB TUN RAZAK** diiringi Mohd. Irwan Serigar Abdullah (kiri) meninjau kemajuan projek Tun Razak Exchange (TRX) di Kuala Lumpur, semalam. Turut bersama ialah (dari kiri) Azmar Talib, Johari Abdul Ghani, Fadillah Yusof dan Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz. - UTUSAN/ ABDUL RAZAK LATIF



runcit, hospitaliti, pusat hiburan dan budaya yang bertaraf dunia.

TRX dengan tempoh pembangunan 15 tahun, akan disiapkan secara berfasa dengan fasa pertama dijangka selesai pada 2018/2019.

Menurut Perdana Menteri, China Construction Bank (CCB) telah mengumumkan bahawa mereka akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat operasi.

“Perbincangan sedang dijalankan dengan CCB yang mahu membina *signature tower* di TRX” katanya.

Tambah beliau, TRX memberi peluang kepada rakyat negara ini menikmati pembangunan bertaraf global.

“TRX bukan sekadar bangunan biasa tetapi ia merupakan pusat kebudayaan bertaraf global di negara ini,” ujarnya.